

TARIKH	12 / 4 / 2013	SEKSYEN	NATIONAL
MUKA SURAT	17	RUANGAN	

# Tambang haji kekal

» *Setiap jemaah Malaysia dapat pembiayaan RM5,575*

► Jeddah

**B**ayaran haji kekal RM9,980 walaupun kos sebenar mengerjakan ibadah haji tahun ini dijangka meningkat.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji), Datuk Ismee Ismail menganggarkan tahun ini Tabung Haji akan membiayai RM5,575 tiap seorang jemaah muassasah berbanding RM5,100 seorang tahun lalu, bagi membolehkan bayaran haji kekal RM9,980 seperti tahun sebelumnya.

Beliau berkata, pembangunan ketika projek perluasan kawasan sekitar Masjidil Ha-

ram di Kota Makkah menyaksikan Tabung Haji terpaksa menyewa beberapa bangunan baru, sekali gus meningkatkan kos sebenar haji.

## Sewa bangunan baru

Katanya, selaras dengan pelaksanaan projek berkenaan, beberapa bangunan, termasuk disewa Tabung Haji untuk jemaah di musim haji lalu sudah dirobohkan menjadikan bangunan yang ditawarkan buat jemaah pada musim haji nanti semakin berkurangan dan lazimnya pengurangan itu akan mengakibatkan kos bagi menyewa bangunan baru.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengambil bahagian dalam perbincangan antara Tabung Haji

dan Kementerian Haji Arab Saudi di sini, kelmarin.

Ismee berkata, soal penginapan jemaah haji ketika ini hampir diselesaikan Tabung Haji dan pihaknya sedang menguruskan beberapa urusan lain yang penting.

## FAKTA NOMBOR

**RM9,980**

Kos bayaran haji

## Kerjasama baik

Beliau berkata, biasanya soal penerbangan tidak membabitkan banyak masalah apabila pihaknya mendapatkan kerjasama baik daripada dua syarikat penerbangan utama membawa jemaah ke Tanah Suci, iaitu Penerbangan Malaysia (MAS) dan Saudi Air.

Difahamkan ketika ini surat tawaran mengerjakan haji sudah disampaikan kepada jemaah dan mereka sudah mula menghadiri kursus. **BERNAMA**



“Pembangunan ketika projek perluasan kawasan sekitar Masjidil Haram di Kota Makkah menyaksikan Tabung Haji terpaksa menyewa beberapa bangunan baru, sekali gus tingkatkan kos sebenar haji”

**Ismee Ismail,**  
Pengarah Urusan  
dan Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Tabung Haji